

23/11/1999

Tiga ketua Umno berikrar sokong BN

Noh Ahmad

SEREMBAN, Isnin - Tiga ketua Umno bahagian yang tidak dicalonkan di negeri ini berikrar terus memberikan sokongan kepada calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum, 29 November ini.

Ketua perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata mereka menyatakan ikrar itu dalam pertemuan yang diadakan Khamis lalu, iaitu sehari sebelum penamaan calon diumumkan.

"Sebelum nama calon diumumkan, saya mengadakan pertemuan dengan semua ketua bahagian dan wakil rakyat lama untuk berbincang dan mereka sudah memberi jaminan untuk memberi sokongan serta bekerja keras bagi membantu calon BN," katanya.

Tiga daripada tujuh ketua Umno bahagian di negeri ini tidak dicalonkan semula untuk bertanding sama ada di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen.

Antara yang tidak bertanding ialah Ketua Umno Bahagian Jelevu, Yunus Rahmat. Tempat beliau di Parlimen itu ditandingi oleh Datuk Dr Rais Yatim.

Datuk Abu Zahar Ujang selaku Ketua Umno Bahagian Kuala Pilah mengosongkan kerusi Parlimen berkenaan bagi memberi laluan kepada Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar yang juga ketua Wanita Umno negeri.

Turut tidak tersenarai ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Mohd Noh Rajab yang juga bekas Ketua Umno Bahagian Tampin.

Tempat beliau di Parlimen Tampin ditandingi Ketua Pergerakan Pemuda bahagian, Shaziman Abu Mansor yang juga naib ketua Pemuda Umno negeri.

Menurut Mohd Isa, perkara ketua bahagian tidak dipilih untuk bertanding bukan satu isu kerana pencalonan diputuskan pimpinan parti diketuai Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka yang terbabit berpegang kepada janji untuk membantu calon BN dalam pertemuan itu.

"Atas semangat parti, saya yakin mereka yang tidak dipilih sebagai calon akan terus membantu bagi memastikan kemenangan BN. Malah, ketika saya ke Jelevu pagi tadi, Yunus turut hadir untuk membantu kempen calon BN," katanya.

Sebelum ini, Yunus tidak hadir untuk mengiringi calon BN ketika penamaan calon di Kompleks Kerajaan di Kuala Klawang, semalam. Bagaimanapun, menurut Rais, Yunus tidak dapat ikut serta kerana demam.

Mengulas mengenai isu wabak Japanese Encephalitis (JE) yang kembali dimainkan oleh pembangkang terutamanya DAP, beliau berkata, kerajaan sudah memberikan yang terbaik untuk membantu penternak babi di kawasan berkenaan.

"Apa yang DAP buat untuk membela nasib penternak berbanding apa yang dilakukan oleh kerajaan," katanya.

Menurut Mohd Isa, ahli Exco, Datuk Dr Yeow Chai Thiam, sentiasa mengambil berat mengenai masalah penternak, termasuk memberikan pampasan kepada mereka.

"DAP hanya menggunakan isu ini untuk menagih simpati sedangkan kerajaan yang lebih banyak membantu dalam menyelesaikan masalah ini," katanya.

(END)